

TAWARAN HARGA

SEBUTHARGA BIL.13/2016:

**PERKHIDMATAN PENYEDIAAN DAN PEMBANGUNAN KONSEP DAN IDEA KREATIF
UNTUK PENERBITAN VIDEO KAPSUL BERSIRI “CHOR & CHAH”**

PENGENALAN

Berdasarkan Banci Pertubuhan & Enterpris 2005 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, daripada 548,267 PKS yang ditubuhkan di Malaysia, 435.324 (78.7%) pertubuhan perniagaan adalah terdiri daripada Perusahaan Mikro. Perusahaan Mikro ini terlibat di dalam ketiga-tiga sektor utama di Malaysia, iaitu: Sektor perkhidmatan - 381, 585 (87.7%), sektor Pertanian - 31, 838 (7.3%) dan sektor pembuatan - 21, 516 (4.9%). Bagi memastikan pembangunan berterusan dan kelangsungan perusahaan mikro di dalam industri terus kukuh, Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk para usahawan baru dan mikro ini bagi menyokong dan memberi galakan kepada mereka untuk menceburi bidang keusahawanan secara serius, supaya ia menjadi pilihan kerjaya utama. Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), pembangunan perusahaan mikro, belia dan golongan B40 merupakan antara strategi pembangunan negara yang diberikan penekanan dan pelbagai program serta inisiatif telah dibangunkan di dalam merealisasikan matlamat ini.

Oleh yang demikian, pendekatan holistik di dalam mendedahkan isu keusahawanan dan tips permulaan perniagaan adalah bertepatan bagi memastikan usahawan baru dan sedia ada diperlengkap dengan maklumat terkini berkenaan dengan perniagaan di samping mempromosikan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan dan agensi. Video ini bakal menampilkan panduan permulaan perniagaan, informasi berkenaan agensi Kerajaan yang perlu dihubungi di samping bantuan dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan untuk usahawan di Malaysia. Video bersiri ini akan berfungsi sebagai panduan asas perniagaan yang interaktif di dalam membimbing para usahawan memulakan, membangunkan seterusnya mengembangkan perniagaan mereka secara sistematik dan berkesan dengan cara yang menarik dan efektif.

OBJEKTIF

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan belia, terutamanya dalam bidang keusahawanan, video kapsul bersiri ini diterbitkan bertujuan untuk:

- i. Menggalakkan golongan belia dan B40 menceburi bidang perniagaan;
- ii. Memberikan panduan menyeluruh bagaimana untuk memulakan perniagaan kepada bakal usahawan dan usahawan yang baru;
- iii. Meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan Inisiatif dan Program Pembangunan PKS yang ditawarkan oleh Kerajaan, Agensi Kerajaan dan pihak swasta khususnya GLC;
- iv. Memberi penekanan tentang peranan SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat dan juga peranan Agensi-agensi Kerajaan yang lain di dalam Pembangunan Keusahawanan di Malaysia; dan
- v. Sebagai inisiatif *outreach* bagi menyebarkan maklumat terkini yang berkaitan kepada PKS.

TUJUAN

Penerbitan video kapsul bersiri ini akan dimuatnaik di platform media sosial serta digital untuk ditayangkan semasa program *outreach* yang melibatkan SME Corp. Malaysia di seluruh negara.

KONSEP

Video ini mengisahkan seorang graduan universiti tempatan bernama Chor yang telah menyertai Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) anjuran SME Corp. Malaysia. Beliau ingin memulakan perniagaan Rendang Tok di mana resepi ini diwarisi daripada 'Opah'nya.

Chor telah menemui Chah yang merupakan Kaunselor Perniagaan SME Corp. Malaysia yang merangkap *buddy* beliau bagi Program TUBE untuk mendapatkan khidmat nasihat perniagaan. Chor melalui pengalaman turun naik perniagaan dan mendapat bantuan

pelbagai agensi seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), MARDI, DDEC, MIDF, SME Bank, HDC, MATRADE dan lain-lain Agensi Kerajaan berkaitan untuk memajukan perniagaannya sehingga ke peringkat antarabangsa.

BIL	CIRI-CIRI KEPERLUAN	CADANGAN PETENDER <i>*Petender perlu memajukan Salinan Cadangan</i>	KOS (RM)
1.	<p><u>Penyediaan dan pembangunan konsep dan idea kreatif bagi video kapsul bersiri “Chor & Chah”</u></p> <p>Sila kemukakan cadangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Konsep terperinci; ii. Jalan cerita (<i>story board</i>) ; iii. Cadangan Rangkaian Media sosial dan digital percuma serta berbayar untuk tujuan penyiaran. Penyebutharga perlu mencadangkan beberapa platform yang akan digunakan bagi tujuan penyiaran video – video ini termasuk kos bagi penggunaan platform media sosial berbayar yang digunakan. 		
2.	<p><u>Produksi Video Kapsul Bersiri</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menerbitkan dua belas (12) video kapsul bersiri berdurasi 15 - 20 minit bagi setiap episod di dalam format definisi tinggi minima 720 pixel dengan hakcipta didaftarkan di bawah nama SME Corp. Malaysia dan semua kos bagi mendapatkan hakcipta ini ditanggung oleh syarikat; ii. 3 episod video kapsul perlu disiarkan dalam 1 minggu ; iii. Setiap episod perlu mempunyai tema yang spesifik dan memberi fokus kepada peranan serta fungsi sesebuah agensi di dalam ekosistem keusahawanan di 		

BIL	CIRI-CIRI KEPERLUAN	CADANGAN PETENDER <i>*Petender perlu memajukan Salinan Cadangan</i>	KOS (RM)
	<p>Malaysia. Cadangan tema serta fokus bagi setiap episod ini tertakluk kepada kelulusan SME Corp. Malaysia;</p> <p>iv. Menggubah atau mencadangkan lagu tema yang bersesuaian untuk siri video kapsul ini. Hakcipta lagu baharu yang digubah hendaklah didaftarkan di bawah SME Corp. Malaysia dan segala kos dan urusan mendapatkan hakcipta hendaklah ditanggung oleh syarikat. Selain itu, pemilihan penyanyi yang akan menyanyikan lagu ini adalah tertakluk kepada kelulusan SME Corp. Malaysia;</p> <p>v. Mencadangkan dan menyediakan lokasi penggambaran ;</p> <p>vi. Menyediakan dan membuat 50 salinan dalam bentuk USB Disk untuk kesemua video dan juga sesalinan asal video tanpa suntingan (<i>raw material</i>) untuk simpanan SME Corp. Malaysia ;</p> <p>vii. Kos produksi termasuk bayaran kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> – Pengarah dan pemilihan pengarah adalah tertakluk kepada kelulusan SME Corp. Malaysia; – Penulis skrip; – Pelakon-pelakon yang terlibat mestilah mempunyai imej yang baik, dikenali dan mempunyai pengikut yang ramai serta mampu menarik ramai penonton. Pemilihan pelakon-pelakon adalah tertakluk kepada kelulusan SME Corp. Malaysia; 		

BIL	CIRI-CIRI KEPERLUAN	CADANGAN PETENDER <i>*Petender perlu memajukan Salinan Cadangan</i>	KOS (RM)
	<ul style="list-style-type: none"> - Krew; - Lokasi penggambaran; - Urusan hakcipta dan harta intelek yang berkaitan dengan video kapsul bersiri ini; dan - Segala keperluan untuk penghasilan video kapsul bersiri ini. 		
3.	<p><u>Pemasaran & Promosi</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan pelan promosi dan publisiti bagi platform media digital dan sosial untuk tujuan tayang video kapsul bersiri ini; ii. Menyediakan satu (1) video treler prebiu berdurasi minima 1 minit bagi tujuan promosi ; iii. Menyediakan satu (1) video treler berdurasi minima 30 saat untuk tujuan promosi bagi setiap episod ; iv. Menganjurkan Majlis Pelancaran bagi sesi pengenalan video bersiri ini dengan memenuhi spesifikasi asas seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Memastikan kehadiran dan penglibatan daripada para pelakon dan pengarah; - Memastikan kehadiran dan penglibatan media dari industri hiburan; dan - Menyediakan gimik yang sesuai, <i>backdrop</i>, pentas, dekorasi dan lokasi untuk majlis pelancaran ini. v. Pelakon-pelakon atau selebriti yang dipilih perlu mempromosikan video kapsul ini di laman sosial mereka tanpa sebarang kos tambahan. 		

BIL	CIRI-CIRI KEPERLUAN	CADANGAN PETENDER <i>*Petender perlu memajukan Salinan Cadangan</i>	KOS (RM)
4.	<p><u>Laporan Projek</u></p> <p>Penyebutharga juga perlu menyediakan laporan ringkas yang mengandungi butiran-butiran berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> - <i>Viewership</i>; - Statistik berkenaan jumlah perkongsian, komen, <i>likes</i> dan reaksi daripada orang awam berkenaan dengan video-video yang dipaparkan; dan - Nilai PR yang diperoleh daripada tayangan video-video ini. 		
JUMLAH (tanpa GST)			
GST (6%) * Sila kemukakan bersama salinan surat pendaftaran GST dengan Kastam			
JUMLAH KESELURUHAN			

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :